

## **BAB 4**

### **PROTES DALAM POLITIK MELAYU**

#### **4.1 Nilai Dan Implikasi Protes**

Pada hakikatnya, teks *Sejarah Melayu* ternyata boleh dijadikan rujukan awal tentang perkembangan protes, khususnya dalam politik kesultanan Melayu Melaka.

Walaupun *Sejarah Melayu* tidak secara terbuka menyebut protes telah berlaku, namun terdapat beberapa peristiwa penting yang dapat dijadikan petunjuk bahawa protes telah wujud dalam lingkungan budaya politik tradisi Melayu.

Contoh protes yang sangat terkenal dan dihubungkaitkan dengan unsur penderhakaan ialah protes Hang Jebat. Hang Jebat telah membantah tindakan Sultan Melaka menghukum bunuh Hang Tuah, sahabat baiknya yang telah banyak berbakti kepada raja. Pada mulanya, ia dengan sengaja berkelakuan menyakiti hati raja dengan cara makan minum dan memakai pakaian yang dipunya raja serta tinggal di istana. Apabila sultan mengarahkan supaya Hang Jebat dikepung dan dibunuh. Hang Jebat telah memprotes secara mengamuk bagi melepaskan dendamnya kepada ketidakadilan raja. Ini ditunjukkan melalui tindakan Hang Jebat membunuh hampir kesemua wanita di dalam istana sebelum pertarungannya dengan Hang Tuah dan beribu-ribu orang tidak berdosa lagi selepas itu (Kassim Ahmad, 1973 : 324 dan 316).

Tindakan Hang Jebat yang sengaja menimbulkan kemurkaan sultan secara terang-terangan adalah satu tindakan protes terbuka yang cuba diperjuangkan terhadap ketidakadilan sultan. Ini kerana apabila Hang Tuah yang menjadi punca penderhakaan Hang Jebat muncul untuk membunuhnya, Hang Jebat telah membayangkan kekesalannya : “Jika aku tahu akan engkau masih hidup, demi Allah dan Rasul-Nya, tidak aku perbuat pekerjaan yang demikian ini” (Shellabear, 1977 : 100).

Namun protes bentuk ini ternyata tidak dibela atau diterima sebagai sesuatu yang wajar oleh mana-mana pihak termasuk oleh Hang Tuah sendiri. Sebaliknya Hang Tuah menegaskan kepada Hang Jebat semasa bertikam dengannya “Siapa bersetia dengan engkau kerana engkau orang derhaka” (Shellabear, 1977 : 110). Hang Jebat yang kecewa dengan sikap Hang Tuah akhirnya telah mengartikulasikan protes sepenuhnya secara amukan.

Dari satu segi, protes Hang Jebat sebenarnya lebih bersifat peribadi. Sungguhpun Hang Jebat telah memprotes ketidakadilan raja dan sikap bertaat buta sahabatnya, namun protes ini tidak sampai boleh disifatkan sebagai protes menentang sistem politik feudal ketika itu (Chandra Muzaffar, 1992 : 45).

Walau bagaimanapun penolakan oleh orang Melayu kepada protes bentuk ini mempunyai asas-asas tertentu. Sikap tidak bekerjasama yang ditunjukkan oleh Hang Tuah, Bendahara atau pembesar istana lainnya adalah bertujuan menjaga kepentingan *status-quo* masing-masing. Umumnya, masyarakat Melayu tidak menyokong tindakan Hang Jebat kerana melindungi diri mereka dari hukuman berat yang akan diterima sekiranya mereka disyaki sultan sebagai penderhaka.

Hukuman bunuh yang dijatuhkan oleh sultan kepada Bendahara Tun Mutahir empat beranak yang ditohmahkan sebagai penderhaka membuktikan kesalahan menderhaka atau sekadar bersubhat amatlah buruk padahnya. Tambahan pula kepercayaan masyarakat kepada kepentingan mengekalkan kedudukan sultan sebagai “bayangan Tuhan di muka bumi” telah mengikat akal budi masyarakat Melayu dari menyokong sebarang bentuk protes yang bersifat penderhakaan.

Berdasarkan logik penyataan tersebut, golongan yang diperintah dilihat tidak sepatutnya mencuba memprotes secara terang-terangan terhadap pemerintah. Kalaupun Hang Jebat telah berbuat begitu, ternyata tiada kemenangan yang boleh

diharapkan daripada protes tersebut. Bukan sahaja mayatnya dibuang, malah “segala anak bininya habis dibunuh” (Shellabear, 1977 : 133).

Mungkin di atas kesedaran inilah Bendahara Tun Perak melarang pengikutnya daripada bertindak balas terhadap Raja Muhammad yang telah membunuh anaknya Tun Besar. Tun Perak sebaliknya telah memprotes secara tertutup, iaitu dengan bersumpah tidak mahu “bertuankan anak raja seorang ini” (Shellabear, 1977 : 123). Melalui protes bentuk ini, Tun Perak berjaya mendesak Sultan Mansor menyingkirkan Raja Muhammad untuk dirajakan di Pahang, dan bukannya di Melaka sebagai pengganti ayahandanya.

Demikian juga halnya dengan kes pemulauan Tun Bajid ke atas pihak istana, khususnya terhadap Sultan Mahmud yang telah menodai isterinya. Walaupun sultan telah menganugerahkannya seorang gundik, Tun Bajid masih terus memprotes dengan keengganannya mengadap sultan, meskipun telah dipanggil mengadap baginda (Shellabear, 1977 : 155-156).

Dari dua kes protes secara tertutup ini jelaslah bahawa protes yang dibangkitkan oleh golongan pembesar yang berpunca dari pencabulan pihak sultan ke atas nilai moral, adat dan agama selalunya berjaya melepaskan mereka dari mendapat kemurkaan dan hukuman daripada raja.

Berbeza dengan penderhakaan tersembunyi yang dilakukan oleh Bendahara Sri Nara Diraja kerana tidak melaksanakan perintah sultan untuk membunuh Hang Tuah, kerana mendapat “belum sampai dosanya patut dibunuh”. Bendahara yang merupakan orang kedua tertinggi kerajaan telah bertindak mengingkari perintah sultan melalui protes secara tertutup, iaitu dengan menyembunyikan Hang Tuah. Apa yang menarik, protes ini akhirnya mendapat pujian sultan apabila Hang Tuah dikembalikan

oleh Bendahara bagi membunuh Hang Jebat, baginda bertitah : “Bahawa Sri Nara Dirajalah sempurna hamba” (Shellabear, 1977 : 131).

Perhitungan nasib seumpama ini tidak pula berlaku dalam protes Bendahara Sri Maharaja yang enggan menunjukkan anaknya Tun Fatimah kepada Sultan Mahmud. Protes yang cuba ditutup olehnya berakhir dengan pembunuhan hampir seluruh keluarga Bendahara, yang difitnah atas cubaan merampas kuasa (Shellabear, 1977 : 208).

Walaupun protes yang dimanifestasikan melalui tindakan melanggar perintah dan adat oleh kedua Bendahara ini mungkin kelihatan berbeza, tetapi matlamatnya adalah sama – iaitu membendung kelakuan sultan yang zalim dan melampaui batas. Ini dapat dibuktikan dari sikap berani kedua Bendahara yang sanggup menggadai nyawa demi mencapai matlamat yang dimaksudkan.

Demikian juga protes secara diam yang dilakukan oleh Tun Fatimah terhadap tindakan zalim Sultan Mahmud membunuh kaum keluarganya. Tun Fatimah mulanya memprotes dengan bersikap “dingin” terhadap suaminya Sultan Mahmud, sebagai : “Jangankan ia tertawa tersenyumpun tidak pernah”. Protes ini kemudian diteruskan dengan cara menggugurkan setiap kehamilannya bersama sultan : “Adapun Tun Fatimah disebut orang raja perempuan besar, tetapi apabila ia hamil dibuangnya” (Shellabear, 1977 : 220-222).

Tindakan protes secara diam dari seorang perempuan ini akhirnya telah berjaya menaikkan kembali maruah keluarga Bendahara Sri Maharaja dengan kejayaannya mendesak Sultan Mahmud merajakan Raja Ali yang merupakan anak dari Tun Fatimah dan sebaliknya menyingkirkan Raja Ahmad yang sepatutnya menggantikan baginda.

Kes-kes yang dirujuk di atas menunjukkan bahawa protes yang dilakukan secara tertutup, senyap atau tersembunyi, adalah diterima sebagai penyataan rasa tidak puas hati yang sah bagi masyarakat Melayu. Ini kerana sifat protes bentuk ini dianggap terkeluar dari konsep derhaka yang difahami oleh pemerintah. Hal ini mudah difahami kerana kedudukan sultan dalam sistem politik tradisi hanya boleh dinasihati dan bukannya dicabar.

Selain daripada *Sejarah Melayu*, protes dalam bentuk penderhakaan yang hampir menyerupai kes Hang Jebat turut dinyatakan dalam *Tuhfat Al-Nafis*. Dinyatakan bahawa Megat Sri Rama, seorang pahlawan kerajaan Melayu Johor telah memberontak terhadap kezaliman Sultan Mahmud. Megat Sri Rama telah memprotes dengan cara terbuka dengan bersumpah untuk membala dendam terhadap Sultan Mahmud yang bertindak zalim membunuh isterinya yang tidak berdosa. Megat Sri Rama akhirnya mencapai maksudnya apabila berjaya membunuh Sultan Mahmud ketika baginda diusung untuk mengerjakan sembahyang Jumaat (Chandra Muzaffar, 1992 : 46).

Megat Sri Rama seperti juga Hang Jebat telah memprotes ketidakadilan raja terhadap seorang yang mereka sayangi. Bagaimanapun protes Megat Sri Rama tidak secara amukan secara serta merta, tetapi dirancang dan mendapat sokongan dari pegawai-pegawai istana. Lebih penting kes ini adalah satu-satunya protes rakyat dalam sejarah Melayu yang melibatkan pembunuhan raja di atas sebab kezalimannya.

Walaupun protes Megat Sri Rama tidak dibantah oleh Bendahara dan pembesar istana yang turut tidak menyenangi kezaliman sultan , namun ia tidak terlepas dari hukuman Tuhan yang dikatakan telah menumbuhkan rumput dilukanya, dan selama lima tahun ia hidup menderita kerana derhakanya kepada raja (Chandra Muzaffar, 1992 : 30).

Perkembangan protes yang dibincangkan di atas jelas menunjukkan penentangan rakyat terhadap raja yang mereka anggap zalim. Ini menunjukkan bahawa konsep keadilan yang menjadi syarat hubungan kesetiaan memang disedari oleh masyarakat Melayu. Kesedaran ini tidak hanya berada pada tahap kesedaran politik, malah ia berakar dalam ajaran agama Islam yang telah lama dianuti oleh masyarakat Melayu. Kesedaran terhadap nilai keadilan dalam kepimpinan Melayu jelas dalam falsafah yang terkandung dalam prinsip perjuangan politik Melayu bahawa : “Raja adil raja disembah, raja zalim raja disanggah” (Ismail Hamid, 1991 : 89).

Namun pada hakikatnya konsep ini tidak dibiarkan menjadi satu prinsip yang dominan dalam sistem budaya politik Melayu. Kalaupun telah diperjuangkan, ia hanya membayangkan inspirasi peribadi dan bukannya mewakili kesedaran kolektif. Rujukan kepada sebab dan tujuan protes-protes yang berlaku pada zaman Kesultanan Melayu Melaka, jelas menunjukkan kenyataan ini.

Protes dalam apapun bentuk sebenarnya tidak dibenarkan berperanan secara “bebas” dalam sistem politik Melayu tradisi yang bersifat tertutup. Malah ia juga boleh dikatakan tidak mendapat sokongan yang meluas di kalangan masyarakat Melayu yang memandang rendah kepada mereka yang bertindak menyongsong adat. Kerana adat Melayu itu dikatakan pantang menderhaka kepada raja.

Oleh yang demikian, sebarang tentangan atau protes terhadap pemerintah dalam politik Melayu tradisi tidak boleh ditafsirkan sebagai penolakan konsep taat setia kepada raja. Ini kerana kerap kali protes yang dilahirkan oleh masyarakat Melayu pada zaman tradisi adalah melalui cara yang telah disesuaikan dengan nilai dominan, iaitu ketiaatan mutlak kepada raja. Ini tidak hanya merujuk kepada protes yang dilakukan secara tertutup, senyap atau tersembunyi, bahkan termasuk protes

secara terbuka. Hang Jebat misalnya telah menderhaka secara terbuka, tetapi ia hanya mengamuk dengan membunuh rakyat biasa dan bukannya raja dan pembesar yang menjadi musuh sebenarnya.

Walaupun terdapat kontroversi sama ada protes Hang Jebat itu sah atau tidak mengikut nilai masyarakat Melayu tradisional, namun yang jelas protesnya bukan sahaja tidak disokong , bahkan ditentang oleh seluruh kepimpinan Kesultanan Melayu Melaka. Apakah ini menandakan bahawa tidak ada “ruang” bagi protes dalam sistem politik Melayu? Andainya ini benar, apakah saluran alternatif yang telah digunakan sebagai penyataan ketidakpuasan hati rakyat terhadap pemerintah?.

Rujukan kepada protes yang dilahirkan oleh Abdullah Munshi dalam kritikannya kepada raja-raja Melayu adalah jawapan awal kepada persoalan ini. Protes terhadap sistem kepimpinan masyarakat Melayu, khususnya raja-raja telah dilahirkan oleh Abdullah melalui catatan pengembaraannya. Abdullah bukan sahaja mengecam sikap raja-raja Melayu yang merugikan masyarakat, malah kritikan tajamnya telah menyedarkan rakyat betapa institusi raja itu bukanlah suatu yang suci dan kebal.

Tidak dinafikan penulisan beliau banyak dipengaruhi oleh pemikiran British yang menaunginya. Namun latar belakang pendidikan agama yang kuat dalam tradisi keluarganya, turut mempengaruhi beliau untuk berani menulis tentang kebobrokan institusi raja-raja Melayu. Protes yang dilahirkan melalui penulisannya berjaya menyedar golongan muda Melayu pada tahun 30-an untuk menilai kembali sikap raja-raja mereka. Bukan melalui protes terbuka tetapi melalui wadah pendidikan (Chandra Muzaffar, 1992).

Dari satu segi, saluran protes yang digunakan oleh Abdullah tentulah tidak jauh bezanya dengan ‘protes sosial’ yang terkandung dalam *Sejarah Melayu*, karangan Tun Sri Lanang atau pun *Tuhfat an-Nafis* sebelumnya. Namun protes sosial

yang terkandung dalam hasil penulisan Abdullah jauh lebih terbuka dan bersifat terus terang mengemaskin ketidakadilan dan kezaliman raja-raja terhadap rakyat. Ketokohan beliau dalam hal ini pernah mengangkatnya sebagai “Bapa Kesusastraan Melayu Modern”.

Protes dengan cara yang lebih terbuka muncul secara lebih ketara pada zaman penjajahan British. Ini mungkin disebabkan sultan tidak lagi berkuasa dalam hal ehwal pentadbiran, tetapi hanya sebagai pelindung agama dan adat resam. Oleh yang demikian, kebanyakan protes yang dilancarkan untuk menentang pihak pemerintah adalah diketuai oleh pembesar-pembesar tempatan. Protes pada peringkat ini juga telah dikaitkan dengan nilai nasionalisme Melayu, iaitu suatu konsep kesetiaan kepada tanah air yang lahir akibat dari dasar pecah dan perintah British.

Antara protes yang boleh disenaraikan dalam kategori ini ialah pemberontakan Dol Said di Sungai Ujung, Datuk Bahaman di Pahang, Tok Janggut di Kelantan dan Haji Abdul Rahman Limpong di Terengganu (Tan Ding Eing, 1975). Golongan pembesar ini telah bangun memberontak kerana tidak puas hati dengan sikap British yang menganggu kuasa ekonomi mereka. Namun sentimen ketaatan kepada raja yang didaulatkan sebagai pemerintah sebenar telah digunakan bagi mendapat sokongan di kalangan pengikut-pengikut mereka dalam gerakan protes secara terbuka.

Adalah tidak memadai untuk menyandarkan kejadian protes yang melibatkan korban nyawa ini kepada kesedaran rakyat terhadap idea protes dalam konsep nasionalisme moden yang difahami sekarang. Namun kesedaran pembesar Melayu terhadap pencabulan hak mereka ke atas tanah dan cukai oleh pemerintah British, menunjukkan protes dalam bentuk ini telah diterima sebagai suatu yang sah oleh masyarakat Melayu.

Walau bagaimanapun protes ini tidak pula disahkan oleh pihak istana yang mendapat perlindungan sepenuhnya dari pemerintah British. Sebaliknya British telah menggunakan istana sebagai benteng kepada kemaraan pihak yang dianggap sebagai pemberontak. Hal ini dilakukan melalui desakan British terhadap sultan untuk mengistiharkan pemberontakan ini sebagai satu penderhakaan kepada raja. Sultan Kelantan misalnya telah diminta mengeluarkan surat kuasa atas nama baginda bagi menangkap Tok Janggut di Pasir Puteh (Tan Ding Eing, 1975).

Fenomena ini menunjukkan bahawa protes yang dilakukan melalui cara peperangan terhadap pihak penjajah tidak meninggalkan kesan. Disamping jumlah kekuatan tentera British yang jauh lebih baik, konflik nilai ketaatan yang berlaku terhadap sistem perkongsian kuasa antara sultan dan pihak British turut mempengaruhi kegagalan protes bentuk ini. Ini kerana masyarakat Melayu tidak mempunyai persepsi yang jelas tentang kedudukan dan peranan British. Masyarakat Melayu pada umumnya meletakkan British sebagai kelas pemerintah yang berperanan sebagai pelindung kepada raja-raja Melayu.

Satu kejadian protes terbesar yang pernah berlaku dalam sejarah politik Melayu moden ialah bantahan masyarakat Melayu terhadap perlaksanaan Malayan Union. Inilah buat kali pertama dalam sejarah, protes dalam skala yang besar dan terbuka telah dilancarkan oleh masyarakat Melayu dalam lingkungan budaya politik mereka.

Gerakan protes ini pada mulanya telah dilahirkan melalui penulisan rencana dan artikel yang dimuatkan dalam akhbar-akhbar tempatan. Akhbar *Utusan Melayu* misalnya telah digunakan oleh golongan elit Melayu sebagai *platform* bagi menerangkan nasib buruk yang akan menimpa bangsa Melayu sekiranya gagasan Malayan Union berjaya ditubuhkan oleh pemerintah British. Malah akhbar ini juga

telah digunakan untuk mendesak Sultan-sultan supaya menimbangkan cadangan Malayan Union dengan teliti sebelum meluluskannya (Stenson, 1969).

Oleh kerana MacMichael telah diminta mendapatkan pandangan orang Melayu sebelum bertindak, akhbar ini yang dibiayai sepenuhnya oleh rakyat telah mendesak persatuan-persatuan Melayu (sebelum perang) memulihkan aktiviti mereka demi melindungi kepentingan orang Melayu. Atas kesedaran inilah Kesatuan Melayu Kelantan telah menganjurkan satu protes secara tunjuk perasaan pada 15 Disember 1945 yang disertai seramai 10,000 orang semasa ketibaan MacMichael di istana Sultan Kelantan (Tan Ding Eing, 1975 : 293).

Oleh kerana penyataan protes awal ini tidak mendapat reaksi yang diharapkan maka protes telah disuarakan melalui kongres, yang berjaya menyatukan 41 buah pertubuhan Melayu dari pelbagai aliran dan ideologi untuk berhimpun di Dewan Kelab Sultan Sulaiman, Kuala Lumpur pada 1 Mac 1946. Daripada protes yang dilahirkan dalam kongres tersebut, akhirnya telah berjaya membentuk Pertubuhan Kebangsaan Melayu Bersatu atau lebih dikenali sebagai UMNO (United Malays National Organization) dengan Dato' Onn Jaafar sebagai presiden pertamanya pada 11 Mei 1946 (Camil Warilya, 1992 : 8).

Oleh yang demikian, penubuhan UMNO merupakan penyatuan protes yang pertama berlaku dalam sejarah politik tanahair, yang melibatkan penyatuan tenaga elit atasan Melayu dan rakyat biasa. Hanya selepas UMNO ditubuhkan, protes masyarakat Melayu terhadap Malayan Union menjadi lebih teratur. Kawat-kawat telah dihantar kepada kerajaan British di London, Persatuan Bangsa-bangsa Bersatu dan orang-orang perseorangan yang berpengaruh di Britain, bagi menyatakan bantahan mereka terhadap rancangan Malayan Union.

Gerakan protes secara tidak bekerjasama telah dilancarkan bagi membantah keputusan British yang mahu meneruskan penubuhan Malayan Union pada 1 April 1946. Masyarakat Melayu di bawah pimpinan UMNO telah memakai lilitan putih di songkok mereka selama seminggu sebagai tanda protes. Orang Melayu diminta agar tidak memberi khidmat kepada mana-mana Majlis atau Lembaga dalam Malayan Union. Malah Sultan-sultan juga didesak supaya tidak menghadiri istiadat perlantikan Gabenor Jeneral bagi Malayan Union (Ramlah Adam, 1998 : 11).

Apa yang menarik gerakan protes yang disalurkan dalam pelbagai bentuk dan cara ini juga telah mengemukakan perlembagaan alternatif bagi mengantikan Malayan Union. Perlembagaan Persekutuan telah dicadangkan kepada pihak British bagi mengembalikan kuasa sultan-sultan dan syarat-syarat kewarganegaraan yang lebih ketat kepada orang-orang bukan Melayu. Untuk menjayakan cadangan ini, UMNO telah menganjurkan protes melalui tunjuk perasaan di seluruh negeri.

Oleh yang demikian, protes yang digerakkan oleh UMNO bagi menggagalkan Malayan Union sebenarnya boleh dikaitkan dengan nilai feudal masyarakat Melayu, iaitu ketaatan mereka kepada sultan-sultan. Institusi sultan bukan sahaja berjaya dipertahankan sebagai simbol ketuanan politik orang Melayu, bahkan kuasa sultan telah dikembalikan melalui Perlembagaan Persekutuan yang diusahakan melalui perundingan dengan pihak British pada tahun 1948 (Ramlah Adam, 1998 : 20). Melalui kejayaan protes inilah, UMNO kekal sebagai pertubuhan Melayu yang dianggap berjasa memartabatkan kembali kedudukan raja-raja Melayu.

Kepemimpinan UMNO juga telah dapat mewujudkan satu sistem raja berperlembagaan yang berperanan menurut lunas-lunas demokratik. Oleh yang demikian hubungan yang berlangsung dalam sepanjang tempoh kemerdekaan pada asasnya adalah baik. Mungkin kerana hubungan raja sebagai pelindung simbolik dan

UMNO sebagai pelindung substantif telahpun ditetapkan melalui lunas-lunas perundangan yang terkandung di dalam Perlembagaan Malaysia. Sokongan rakyat kepada kedua institusi ini juga pada umumnya adalah amat baik.

Hanya setelah krisis Perlembagaan tercetus pada tahun 1983, UMNO yang menjadi pelindung substantif telah melahirkan protes mereka secara terbuka kepada raja-raja yang telah membantah dua pindaan perlembagaan yang telah diluluskan oleh Dewan Rakyat. Pindaan pertama membabitkan fasal 66 (5) yang menyebut bahawa sekiranya sesuatu rang undang-undang tidak ditandatangani oleh Yang DiPertuan Agung dalam tempoh 15 hari setelah rang itu dipersembahkan kepada baginda, maka ia dianggap telah dipersetujui oleh baginda dan seterusnya menjadi undang-undang. Pindaan kedua pula adalah berkaitan fasal 150 yang memberi kuasa Perdana Menteri untuk menentukan sama ada perlu atau tidak pengistiharaan darurat yang dulunya dipegang oleh Yang DiPertuan Agung (Chandra Muzaffar, 1992 : 206).

Dengan sebab raja-raja Melayu telah mengambil pendirian yang bertentangan dengan pendirian kerajaan UMNO yang dipimpin oleh Dr. Mahathir, maka konflik ini telah menjadi krisis politik yang relevan dibincangkan dalam konteks protes ini.

Apa yang menarik Dr. Mahathir telah mengadakan rapat umum di merata tempat, membidas dan menyindir raja-raja Melayu secara terbuka (Fan Yew Teng, 1989). Inilah protes pertama semenjak merdeka, seorang pemimpin tertinggi UMNO mengkritik Raja-raja Melayu secara terbuka. Walaupun beliau tidak mencadangkan sistem beraja dihapuskan, namun protes ini akhirnya berjaya meyakinkan masyarakat Melayu bahawa pindaan itu perlu bagi mengekalkan hubungan yang lebih baik dengan raja-raja. Namun terdapat sebahagian dari ahli UMNO yang tetap memihak kepada raja-raja yang menganggap penting mempertahankan kuasa baginda bagi mendepani cabaran politik perkauman. Dengan sebab konflik ini boleh membawa

perpecahan masyarakat Melayu, maka protes ini telah dapat diselesaikan dengan cara berkompromi terhadap isu pindaan tersebut.

Apa yang jelas, implikasi dari protes yang dicetuskan oleh Dr. Mahathir telah menunjukkan bahawa telah muncul nilai baru di kalangan masyarakat Melayu untuk bersifat lebih kritikal terhadap raja-raja Melayu. Begitu juga sikap ahli UMNO terhadap barisan pimpinan tertinggi UMNO sendiri. Namun sikap ini tidak pula menafikan bahawa unsur feudal telah berakhir. Sebaliknya sikap kritikal ini telah membentuk sikap neo-feudal dikalangan pemimpin UMNO dan masyarakat Melayu secara keseluruhan. Implikasi protes ini jelas dapat dilihat dari nilai dan pandangan politik Melayu yang bersedia mengkritik sikap pemimpin atau raja-raja tetapi tidak bersedia untuk mengubah atau mengantikannya dengan sesuatu yang baru (Rustam Abdullah Sani, 1999). Nilai ini jelas ditunjukkan dalam bukti empiris, seperti yang telah dibincangkan dalam peristiwa pergerakan protes masyarakat Melayu terhadap Malayan Union dan krisis Perlembagaan pada tahun 1983 di atas. Demikianlah juga kegagalan Dato' Onn membuka UMNO kepada bukan Melayu merupakan manifestasi nilai neo-feudal yang sangat ketara di kalangan orang Melayu.

Pada akhirnya dapat dikatakan bahawa protes yang berlaku dalam politik Melayu adalah terikat pada nilai dominan yang menguasai pemikiran politik Melayu, iaitu ketiauan kepada pemerintah yang dianggap pelindung kepentingan masa depan bangsa Melayu. Dengan yang demikian, tindakan protes pada asasnya mempunyai sebab-sebab tertentu. Ia boleh dikaitkan dengan pembelaan maruah, penentangan terhadap kezaliman dan perjuangan politik kebangsaan. Walau bagaimanapun, tindakan protes ada yang disahkan dan ada yang tidak. Protes yang disahkan ialah yang dilakukan dengan sokongan raja atau untuk kepentingan raja dan bangsa Melayu itu sendiri. Sebaliknya jika protes yang dilakukan bersifat menyanggahi kepentingan

ini, maka ia dianggap suatu penderhakaan atau pembelotan yang tidak dapat diterima oleh orang Melayu.

#### 4.2 Ideologi Protes Dalam Politik Melayu

Pada peringkat idea, protes sebenarnya telah digerakkan dalam falsafah politik Melayu melalui persetiaan yang pernah berlaku antara Demang Lebar Daun dan Sang Sapurba. Persetiaan yang menjadi asas hubungan raja dan rakyat itu menegaskan bahawa unsur keadilan perlu ditunjukkan oleh pihak pemerintah dan sebaliknya rakyat dituntut bertaat setia kepada raja, dengan tidak menderhaka. Walaupun teks persetiaan itu jelas mendukung konsep ketaatan kepada pemerintah tetapi prinsip protes juga terkandung dalam isi perjanjian tersebut. Seperti yang tergambar pada penegasan Demang Lebar Daun pada akhir persetiaan tersebut : “Baiklah tuanku, tetapi jika kalau anak cucu duli tuanku mengubahnya, anak cucu patik berubahkan tuanku” (Shellabear, 1977 : 19).

Implikasi dari penegasan itu juga menunjukkan bahawa protes boleh dilakukan oleh golongan yang diperintah, seandainya pemerintah lebih dulu mengubah prinsip keadilan dan maruah yang disyaratkan oleh rakyat. Secara prinsipnya, boleh juga dikatakan bahawa protes bukan sahaja diiktiraf, malah dihalalkan sebagai satu cara untuk mengubah atau merombak hubungan politik antara kedua belah pihak.

Atas alasan ini juga, Syed Hussein Alatas antaranya turut merumuskan bahawa : terkandung banyak protes dalam *Sejarah Melayu* yang berdasarkan kepada pertentangan *world-view* yang dipegang oleh kelas pemerintah dan rakyat. Golongan pemerintah yang berpegang kepada prinsip kemutlakan kuasa raja, menuntut ketaatan yang tidak berbelah bagi dari golongan rakyat. Sebaliknya rakyat yang memahami

prinsip keadilan sebagai syarat kesetian telah bersikap menentang jika syarat itu dicabuli (Alatas, 1972).

Rujukan kepada isi kandungan persetiaan ini juga menunjukkan secara langsung akan sebab-sebab protes itu boleh dilakukan, dalam lingkungan budaya politik Melayu. Dari pihak rakyat dinyatakan “hendaklah diperbaiki... jangan difadhihatkan (dimalukan) dan dinista dengan kata-kata jahat”. Sementara pihak raja menuntut “jangan derhaka... jikalau ia zalim dan jahat pekerti sekalipun” (Shellabear, 1977 : 19). Ketidakadilan, penindasan dan penghinaan daripada raja adalah sesuatu yang menjatuhkan maruah dan menyusahkan rakyat. Sementara penderhakaan rakyat adalah tekanan dan cabaran yang ditakuti oleh raja.

Kenyataan sebab-sebab ini bertepatan dengan kajian Guy Forquin yang menyatakan bahawa tindakan protes manusia adalah digerakkan bagi mengelak keadaan yang menyusahkan. Keadaan ini boleh dimaksudkan dari punca ketidakadilan, kemiskinan, kebuluran, penindasan dan penghinaan (Forquin, 1978 : 21).

Sungguhpun begitu, secara teorinya pakatan penting yang menjadi asas perhubungan raja dan rakyat itu menegaskan bahawa protes dalam maksud kata menderhaka iaitu “satu perbuatan yang tidak mengikut perintah raja atau membelot” (Gullick, 1970:72), sama sekali tidak dibenarkan dalam dukungan ideologi politik tradisi Melayu. Sebaliknya kesetiaan itu hanya boleh ditarik balik oleh rakyat sekiranya dimalukan dengan sikap kezaliman raja.

Konsep menarik balik taat setia ini tidak sama dengan penderhakaan. Walaupun tafsiran ini ada asasnya dalam perjanjian itu sendiri, perlu disedari bahawa tidak ada sokongan moral diberikan oleh masyarakat tradisi kepada kejadian ‘taat setia ditarik kembali’ yang disebabkan penghinaan oleh raja-raja. Sebaliknya, hikayat-

hikayat dan sejarah Melayu meletakkan seorang rakyat yang dihina dan dimalu itu sebagai pesalah dan tidak akan terlepas dari hukuman, samada hukuman raja atau hukuman Tuhan (Chandra Muzaffar, 1992 : 5).

Dalam sejarah politik Melayu tradisional, protes daripada kalangan rakyat sering disebut secara sepintas lalu sahaja dan kerap pula dalam perspektif negatif. Ini kerana kelas pemerintah menganggap protes yang dibangkitkan oleh rakyat adalah satu bentuk saingan kuasa kepada mereka. Hal ini tidak jauh berbeza pada zaman penjajahan British yang menganggap protes yang dicetuskan oleh pribumi sebagai halangan kepada dasar campur tangan pihak British di Tanah Melayu.

Namun pada zaman moden, terutamanya selepas Perang Dunia Kedua, berlaku perubahan tanggapan umum tentang protes. Golongan elit Melayu khususnya tidak lagi memandang golongan pemerintah sebagai sesuatu yang unggul dan suci. Sebaliknya mereka melihat pemerintah sebagai kuasa yang patut mengendalikan sesuatu yang dianggap baik dan adil untuk kepentingan masyarakat. Jadi protes terhadap pemerintah dirasakan perlu apabila kerajaan tidak berupaya melindungi kepentingan mereka. Gerakan menentang Malayan Union menunjukkan rakyat memprotes terhadap kerajaan apabila kerajaan dilihat sebagai menyimpang atau menyeleweng daripada landasan yang dianggap sah.